

Headline **Pengetahuan SRH bantu remaja buat keputusan**
Date **10 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **174 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **2,373**
PRValue **7,118**



Pengetahuan SRH bantu remaja buat keputusan

KUALA LUMPUR: Tahap kesedaran yang rendah mengenai kesihatan organ reproduktif dan penyakit jangkitan seksual (STD) di kalangan remaja berusia bawah 15 tahun dikenal pasti menjadi punca kepada peningkatan kehamilan luar nikah yang berkaitan kes pembuangan bayi dan jangkitan HIV/Aids di negara ini.

Kajian Populasi dan Keluarga Kebangsaan pada 2004 mendapati aktiviti seksual di kalangan remaja berusia 13 sehingga 24 tahun meningkat dari 0.9 peratus pada 1994 kepada 2.2 peratus dalam tempoh sepuluh tahun lalu.

Statistik dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai jangkitan HIV di Malaysia pada 1986 sehingga Jun 2009, mendapati 35 peratus daripada 86,127 kes dijangkiti HIV adalah remaja dan belia berusia 13 hingga 29 tahun.

Pengerusi Persatuan Persekutuan Kesihatan Reproduksi (FRHAM), Dr Kamaruzaman Ali, berkata hanya separuh daripada remaja berusia 15 tahun ke bawah mempunyai sedikit pengetahuan mengenai kesihatan seksual dan

“FRHAM percaya mendidik pelajar sekolah rendah dan menengah mengenai SRH membolehkan mereka membuat keputusan lebih bertanggungjawab apabila ia membabitkan kesihatan diri mereka”

Dr Kamaruzaman Ali
Pengerusi Persatuan Persekutuan Kesihatan Reproduksi (FRHAM)

reproduktif (SRH) termasuk jangkitan HIV.

“Golongan muda memerlukan pendidikan SRH termasuk HIV kerana sudah terbukti remaja di negara ini aktif melakukan hubungan seks. Memberikan pendidikan SRH kepada golongan muda bukan bererti menggalakkan hubungan seks tetapi dapat menangguhkan mereka daripada melakukannya lebih awal.

“Kajian di Sweden dan New

York mendapati SRH dapat menunda remaja daripada melakukan seks sebelum waktunya. FRHAM percaya mendidik pelajar sekolah rendah dan menengah mengenai SRH membolehkan mereka membuat keputusan lebih bertanggungjawab apabila ia membabitkan kesihatan diri mereka,” katanya.

Dr Kamaruzaman berucap pada majlis pelancaran program Caltex Body Works anjuran Chevron Malaysia Limited (Chevron) yang bermatlamat mendidik pelajar sekolah menengah mengenai SRH di Selangor, Perak, Melaka, Terengganu dan Kelantan.

Hadir sama, Pengerusi Negara Chevron, Jeremy Oh yang turut menyampaikan sumbangan bernilai RM151,000 kepada FRHAM bagi melaksanakan program berkenaan pada Mac sehingga Oktober 2010 dengan pembabitan sekurang-kurangnya 250 pelajar dari lapan sekolah terpilih di lima negeri ditetapkan.

Oh berkata, program itu selaras hasrat Chevron mengisi minda remaja dengan maklumat dan pengetahuan berkenaan SRH dan penyakit seperti HIV/Aids.